

**SULIT**

**PRINSIP  
PERAKAUNAN  
OGOS 2012  
1 ¼ jam**

**3756/1**



---

**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2012:  
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**KERTAS 1**

**Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
  2. *Jawab **semua** soalan.*
  3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
  4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian **hitamkan** jawapan yang baru.*
  5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
- 


Kertas ini mengandungi **13** halaman bercetak

- 1 Apakah bidang perakaunan yang melibatkan aktiviti pemeriksaan dokumen-dokumen perniagaan bagi mengesahkan bahawa urus niaga yang direkod benar-benar berlaku?
- A Percukaian  
B Pengauditan  
C Perakaunan kewangan  
D Perakaunan pengurusan
- 2 Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan kepunyaan Encik Lampard.

Encik Lampard merekodkan pembelian tiket menonton perlawanan bola sepak bersama kawan-kawan berjumlah RM 400 ke dalam Akaun Belanja Am buku perniagaannya.

Apakah konsep perakaunan yang gagal beliau patuhi?

- A Materialiti  
B Pemadanan  
C Entiti Berasingan  
D Wang sebagai ukuran
- 3 Rajah di bawah adalah sebahagian daripada proses kitaran perakaunan.



Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Penyata Pendapatan	Kunci Kira-kira
B	Penyediaan Jurnal Am	Penyata Pendapatan
C	Pengumpulan Dokumen	Penyediaan Jurnal Am
D	Pengeposan ke Lejar	Imbangan Duga Terselaras

4 Antara berikut yang manakah liabiliti bukan semasa?

- A Gadai janji
- B Pemiutang
- C Gaji terdahulu
- D Overdraf Bank

5 Kedai Alat Telekomunikasi milik Encik Luiz merupakan perniagaan yang terkenal dan maju. Antara berikut yang manakah merupakan hasil kendalian perniagaan tersebut?

- A Komisen diterima
- B Untung pelupusan van
- C Penjualan kad prabayar
- D Faedah daripada simpanan bank

6 Antara berikut manakah pasangan Akaun Induk dan Akaun Kontra yang **tidak benar**?

	<b>Akaun Induk</b>	<b>Akaun Kontra</b>
A	Akaun Modal	Akaun Ambilan
B	Akaun Jualan	Akaun Pulangan Keluar
C	Akaun Belian	Akaun Diskaun Diterima
D	Akaun Penghutang	Akaun Peruntukan Hutang Ragu

7 Perniagaan Komputer Romeu menjual Komputer bernilai RM2 000 dengan harga RM2 350 secara kredit kepada pelanggan. Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	<b>Stok</b>	<b>Penghutang</b>	<b>Modal</b>
A	(2000)	2350	350
B	2350	(350)	2000
C	(2000)	350	2350
D	2000	(2350)	(350)

8 Berikut adalah perbualan telefon antara En Mikel dan Pn Ramires.

En. Mikel : Pn Ramires, invois yang kami hantar semalam telah tertinggal caj angkutan barang.  
 Pn Ramires : Ya kah? Adakah saya perlu mengembalikan invois?  
 En Mikel : Tidak perlu. Nanti saya hantar satu lagi dokumen untuk menambahkan jumlah bayaran yang berkurang caj dalam invois.

Apakah dokumen yang akan dihantar oleh En Mikel?

- A Makluman Debit
- B Makluman Kredit
- C Nota Debit
- D Nota kredit

9 Urus niaga manakah yang akan dicatat dalam Jurnal Am?

- A Membeli barang niaga secara kredit
- B Mengambil wang tunai untuk bayaran yuran anak
- C Membayar belanja angkutan masuk menggunakan cek
- D Membawa masuk kenderaan peribadi ke dalam perniagaan

10 Antara berikut, akaun yang manakah direkodkan dalam Lejar Subsidiari?

- I. Akaun Aset
  - II. Akaun Hasil
  - III. Akaun Pemiutang
  - IV. Akaun Penghutang
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

11. Pada 1 Julai 2012, Encik Frank Ribery telah memulakan perniagaan Frank Ribery Enterprise dengan membawa masuk van bernilai RM40 000. Antara berikut, catatan lejar yang manakah betul?

	Debit	Kredit
A.	Modal	Kenderaan
B.	Kenderaan	Modal
C.	Modal	Van
D.	Van	Tunai

12. Antara berikut urus niaga yang manakah direkodkan ke dalam Buku Tunai?

- I. Bayar sewa dengan cek
  - II. Beli alatan pejabat secara tunai
  - III. Beli pendingin udara secara kredit
  - IV. Ambil barang niaga untuk kegunaan sendiri
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan IV
  - D. III dan IV

13. Antara berikut urus niaga yang manakah direkodkan ke dalam Buku Tunai Runcit?

- A. Penerimaan tunai daripada penghutang
- B. Pembelian alatan pejabat secara tunai
- C. Pembelian sampul surat secara tunai
- D. Pembayaran sewa secara tunai

14. Maklumat berikut dipetik daripada Buku Perniagaan Nuri Sahin pada 30 Jun 2012.

Dt			Akaun Kawalan Penghutang			Kt		
Butir		Folio	RM	Butir		Folio	RM	
Baki b/b			2600	Tunai			5 200	
				Diskaun diberi			320	
				Baki h/b			2 200	

Berapakah jumlah jualan kredit?

- A. RM2 200
- B. RM2 600
- C. RM5 120
- D. RM7 720

15. Antara berikut, yang manakah butiran yang **benar** dicatatkan dalam Imbangan Duga?

	Debit	Kredit
A.	Perabot	Diskaun diterima
B.	Belian	Kadar bayaran
C.	Jualan	Penghutang
D.	Pulangan belian	Pulangan jualan

16.

*Belanja memperbaiki kenderaan RM1 000 dengan cek tersilap rekod ke Akaun Kenderaan.*

Bagaimanakah kesilapan ini diperbetulkan dalam Jurnal Am?

- |   |        |                            |         |         |
|---|--------|----------------------------|---------|---------|
| A | Debit  | Kenderaan                  | RM1 000 |         |
|   | Kredit | Belanja Membaiki Kenderaan |         | RM1 000 |
|   |        |                            |         |         |
| B | Debit  | Kenderaan                  | RM1 000 |         |
|   | Kredit | Bank                       |         | RM1 000 |
|   |        |                            |         |         |
| C | Debit  | Belanja Membaiki Kenderaan | RM1 000 |         |
|   | Kredit | Bank                       |         | RM1 000 |
|   |        |                            |         |         |
| D | Debit  | Belanja Membaiki Kenderaan | RM1 000 |         |
|   | Kredit | Kenderaan                  |         | RM1 000 |

17. Pemilik Karim Benzema Enterprise telah membeli insurans kedainya pada 1 Jun 2012 dengan premium berjumlah RM 1 200 untuk tempoh setahun. Tempoh perakaunannya berakhir 31 Disember 2012.

Apakah pelarasan yang perlu diambil kira pada 31 Disember 2012?

- A. Insurans terdahulu RM500
- B. Insurans terdahulu RM700
- C. Insurans terakru RM500
- D. Insurans terakru RM700

18. Berikut adalah maklumat yang diperolehi daripada buku perniagaan Robin Van Persie Berhad.

	<b>RM</b>
Penghutang	25 000
Peruntukan hutang ragu (1 Julai 2011)	770
Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 4% atas penghutang.	

Berapakah jumlah peruntukan hutang ragu yang perlu dicatatkan ke dalam Akaun Untung Rugi pada 30 Jun 2012?

- A. RM1 000  
B. RM969  
C. RM770  
D. RM230
19. Antara butiran berikut yang manakah dicatatkan di bahagian kredit Akaun Untung Rugi?
- A. Insurans  
B. Faedah atas pinjaman  
C. Faedah atas simpanan  
D. Angkutan keluar
20. Berikut adalah petikan Kunci Kira-kira Perniagaan Mesut Ozil pada 31 Julai 2012.

**Perniagaan Mesut Ozil**  
**Kunci kira-kira pada 31 Julai 2012**

	RM	RM
<b>Aset Bukan Semasa</b>		
Lengkapan		21 000
tolak Susut Nilai Terkumpul		3 000
		<hr/> 18 000
<b>Aset Semasa</b>		
Stok akhir	5 000	
Penghutang	3 500	
Gaji terdahulu	500	
<b>Liabiliti Semasa</b>		
Bank	1 200	
Pemiutang	3 000	

Berapakah modal kerja perniagaan tersebut?

- A. RM31 200  
B. RM22 800  
C. RM13 200  
D. RM4 800

- 21 Antara berikut, yang manakah **bukan** kepentingan mengawal tunai?
- A Memohon overdraf daripada bank
  - B Mengelakkan penyelewengan berlaku
  - C Memastikan tunai dalam tangan tidak berlebihan
  - D Mengetahui sumber tunai dan penggunaan tunai
- 22 Apakah tujuan utama menyediakan Penyata Penyesuaian Bank?
- A Mengawal pengaliran tunai masuk dan keluar perniagaan
  - B Menyelaraskan baki di buku tunai dengan baki penyata bank
  - C Menentukan keupayaan bank mengawal aliran keluar masuk wang
  - D Merekodkan penerimaan dan pembayaran dengan cek ke dalam akaun bank
- 23 Buku tunai menunjukkan baki debit sebanyak RM420 sedangkan penyata bank menunjukkan baki kredit sebanyak RM760. Antara berikut yang manakah merupakan sebab perbezaan baki buku tunai dan penyata bank bagi kes di atas?
- A Cek yang belum dikreditkan sebanyak RM340
  - B Cek yang belum dikreditkan sebanyak RM1 180
  - C Cek yang belum dikemukakan sebanyak RM340
  - D Cek yang belum dikemukakan sebanyak RM1 180
- 24 Manakah butir yang diambil kira dalam penyediaan belanjawan tunai?
- I Hutang lapuk
  - II Ansuran pinjaman
  - III Susut nilai kenderaan
  - IV Pembelian aset bukan semasa
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV
- 25 Apakah tujuan kawalan dalaman sistem penggajian?
- A Menilai prestasi pekerja
  - B Mengurangkan kos pengeluaran
  - C Meningkatkan produktiviti pekerja
  - D Mengelakkan penyelewengan dan penipuan



26 Apakah faktor yang mempengaruhi jumlah upah yang diterima oleh pekerja?

- I Jumlah jam bekerja
- II Taraf hidup pekerja
- III Kelayakan akademik
- IV Bilangan hari bekerja

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27 Apakah maksud gaji RM2 500 di sebelah kredit akaun semasa seorang pekongsi?

- A Gaji tahunan pekongsi
- B Gaji terakru kepada pekongsi
- C Jumlah gaji terdahulu dan telah dibayar
- D Gaji yang telah dibayar kepada pekongsi

28 Apakah catatan bergu untuk menunjukkan tunai dibawa masuk oleh rakan kongsi untuk menampung kekurangan modal?

	Debit	Kredit
A	Akaun Tunai	Akaun Bank
B	Akaun Tunai	Akaun Bank Pekongsi
C	Akaun Modal Pekongsi	Akaun Realisasi
D	Akaun Bank	Akaun Modal Pekongsi

29 Zlatan Ibrahimovic memiliki 2 700 unit saham biasa Syarikat Kaka bernilai RM4 sesaham. Syarikat Kaka memutuskan untuk membayar dividen interim 4% dan dividen akhir 2% atas setiap unit saham biasa. Berapakah jumlah dividen yang diterima oleh Zlatan Ibrahimovic?

- A RM648
- B RM432
- C RM216
- D RM162

30 Maklumat berikut diambil daripada buku Syarikat Thierry Henry Berhad.

<b>Kunci kira-kira pada 30 April 2012 (petikan sahaja)</b>	
<b><u>Ekuiti Pemilik</u></b>	<b><u>RM</u></b>
<b>M</b>	
2 000 000 6% saham keutamaan RM1.00	2 000 000
8 000 000 saham biasa RM0.50 sesaham	4 000 000
	<b><u>6 000 000</u></b>
<b>N</b>	
1 000 000 6% saham keutamaan RM1.00 sesaham	1 000 000
4 000 000 saham biasa RM0.50 sesaham	2 000 000
	<b><u>3 000 000</u></b>

Apakah yang diwakili oleh **M** dan **N**?

	<b>M</b>	<b>N</b>
A	Modal Dibenarkan	Modal Saham Keutamaan
B	Modal Diterbitkan	Modal Dibenarkan
C	Modal Dibenarkan	Modal Diterbitkan dan Berbayar
D	Modal Dibenarkan	Modal Saham Biasa

31 Apakah klasifikasi akaun bagi yuran ahli tertunggak bagi sesebuah kelab dan persatuan?

- A Aset semasa
- B Liabiliti semasa
- C Aset bukan semasa
- D Liabiliti bukan semasa

32 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Badminton Mamadou Sakho.

	<b>1 Julai 2011</b>	<b>30 Jun 2012</b>
Pemiutang	RM3 600	RM5 300
<b>Maklumat tambahan:</b>		
1. Belian tunai sepanjang tahun ialah RM12 300.		
2. Pembayaran kepada pemiutang sepanjang tahun ialah RM7 800.		

Hitung jumlah belian kelab tersebut bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2012.

- A RM21 800  
B RM18 400  
C RM9 500  
D RM6 100
- 33 Sesebuah kelab dan persatuan tidak mempunyai pemilik. Apakah istilah yang digunakan bagi menggantikan modal?
- A Ekuiti Pemilik  
B Akaun Semasa  
C Modal Berdaftar  
D Dana Terkumpul
- 34 Encik Frederik Kanoute seorang peniaga yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu. Kadar bayaran tahunan adalah RM3 660. Bayaran yang telah dibuat sepanjang tahun ialah RM3 500. Pada tahun sebelumnya, beliau telah membuat pembayaran sebanyak RM50 untuk kadar bayaran tahun semasa.
- Berapakah kadar bayaran yang masih belum dijelaskan oleh perniagaan tersebut?
- A RM50  
B RM110  
C RM160  
D RM210
- 35 Rumus untuk menghitung untung atau rugi bersih sesuatu perniagaan adalah seperti berikut.

$$\text{UNTUNG BERSIH} = \mathbf{P} + \mathbf{Q} - \text{MODAL AWAL}$$

Apakah **P** dan **Q**?

	<b>P</b>	<b>Q</b>
A	Modal akhir	Modal tambahan
B	Modal tambahan	Ambilan
C	Ambilan	Modal tambahan
D	Modal akhir	Ambilan

36 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan kos berubah.

- A Kos yang berubah secara langsung dengan unit pengeluaran
- B Kos yang sentiasa malar walaupun unit pengeluaran berubah
- C Kos yang tidak berubah dalam masa jangka pendek
- D Gaji pengurus dan penyelia kilang ialah kos berubah

37 Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Batik Nicholas Anelka.

	RM
Kos bahan mentah	80 000
Gaji pekerja kilang	55 000
Gaji pengurus sumber manusia	15 000
Gaji juru teknik kilang	4 800

Berapakah jumlah kos pengeluaran?

- A RM154 800
- B RM150 000
- C RM139 800
- D RM99 800



38 Percetakan T-shirt Anggun Samir Nasri mengeluarkan t-shirt untuk pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah.

Maklumat berikut ialah kos yang terlibat dalam pengeluaran t-shirt.

	RM
Kos berubah seunit	7.00
Jumlah kos tetap	5 300

Berapakah untung yang diperoleh jika 4 500 unit t-shirt dijual pada harga RM18.00 seunit?

- A RM49 500
- B RM44 200
- C RM37 100
- D RM31 500

- 39 Maklumat berikut diberikan oleh Syarikat El Hadji Diouf Sdn Bhd.

	RM
Alatan Pejabat	5 700
Penghutang	4 200
Overdraf bank	1 050
Insurans terdahulu	380

Berapakah nisbah semasa Syarikat El Hadji Diouf Sdn Bhd?

- A 1.09 : 1
  - B 2.94 : 1
  - C 4.36 : 1
  - D 7.18 : 1
- 40 Encik Abel Xabier ialah pemilik Kedai Alatan Sukan Xabier. Beliau telah memaklumkan untung bersih yang diperoleh sebanyak 80 sen bagi setiap RM1 jualan.

Apakah analisis nisbah yang digunakan?

- A Pulangan atas modal
- B Pulangan untung kasar atas jualan
- C Pulangan untung bersih atas jualan
- D Pulangan untung kasar atas kos jualan

### KERTAS SOALAN TAMAT



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2012:  
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**KERTAS 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Tulis jawapan anda pada **Kertas Helaian Tambahan** yang dibekalkan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak diprogram.*
7. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas ini mengandungi **11** halaman bercetak

**BAHAGIAN A****[60 MARKAH]**Jawab **semua** soalan

- 1 (a) Nyatakan ciri perniagaan tersebut:

Ciri perniagaan	Syarikat Sendirian Berhad	Perkongsian
Liabiliti		

[2 markah]

- (b) Berikan 2 contoh pendapatan modal Kelab Renang Indera Mahkota.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (c) Rekodkan urus niaga di bawah ke dalam Jurnal Am.

Pada 10 Julai 2012, Restoran Rasa Mesra menjual kenderaan terpakai secara kredit kepada Kedai Runcit Safee Sali RM7 500.

Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)

[2 markah]

- (d) Encik Khairul Fahmi seorang arkitek di sebuah syarikat pembinaan. Berikut ialah maklumat yang terdapat dalam slip gajinya bagi bulan Julai 2012.

	RM		RM
Gaji pokok	5 000	Elaun kritikal	400
Bantuan sara hidup	500	Potongan cukai berjadual	120
Ansuran pinjaman kenderaan	600		

Berapakah gaji kasar Encik Khairul Fahmi?

[2 markah]

- (e) Fakri Saarani dan Baddrol Bakhtiar ialah pekongsi dalam Perniagaan SABA. Maklumat berikut berkaitan dengan ambilan yang dibuat oleh pekongsi. Faedah ambilan dikenakan kepada pekongsi 6% setahun.

	1 Julai 2011	1 Oktober 2011
Fakri Saarani	2000	
Baddrol Bakhtiar		1800

Kira faedah ambilan kedua-dua pekongsi bagi tahun berakhir 30 Jun 2012.

[2 markah]

- 2 Kedai Alatan Sukan Farisham beroperasi di Seksyen 7 Shah Alam. Berikut ialah baki-baki akaun yang diperoleh daripada buku-buku perniagaannya pada 30 Jun 2012.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal pada 1 Julai 2011		213 065
Tunai	1 240	
Sewa	8 400	
Angkutan masuk	190	
Gaji	16 000	
Kenderaan (Kos)	19 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		950
Diskaun	240	
Duti atas belian	1 460	
Bank	73 750	
Kadar bayaran	985	
Belian dan Jualan	57 730	110 375
Peruntukan hutang ragu		980
Penghutang dan Pemiutang	12 800	10 660
Stok pada 1 Julai 2011	12 500	
Promosi	820	
Belanja am	600	
Pulangan	480	675
Hutang lapuk terpulih		840
Lengkapan (Kos)	20 000	
Insurans	960	
Angkutan keluar	890	
Simpanan tetap	8 000	
Premis	100 000	
Ambilan	1 500	
	<b>337 545</b>	<b>337 545</b>



**Maklumat tambahan :**

- i Stok pada 30 Jun 2012 bernilai RM 11 770 pada harga kos dan RM 12 570 pada harga pasaran.
- ii Satu invois belian barang niaga bernilai RM 8 440 terlupa direkodkan dalam mana-mana buku.
- iii Insurans diambil untuk setahun dan akan berakhir 31 Oktober 2012.
- iv Faedah atas simpanan tetap ialah 5% setahun.
- v Kadar bayaran sebanyak RM 1 500 telah tersalah catat di dalam akaun gaji.
- vi Polisi susut nilai :
  - Kenderaan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
  - Lengkapan pada kos termasuk lengkapan yang baru dibeli pada 30 Jun 2012 bernilai RM 7 400. Lengkapan disusut nilai 10% setahun atas kos
- vii Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas penghutang.

***Anda dikehendaki menyediakan :***

- a. Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2012. [14 markah]
- b. Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2012. (tunjukkan modal kerja) [11 markah]

3. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Kelab Tennis Mahali bagi tahun berakhir 31 Julai 2012.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2012			
	RM		RM
Baki b/b	25 180	Alat tulis	30
Yuran ahli	4 500	Belian	1 200
Yuran masuk	350	Pemiutang restoran	2 000
Jualan restoran	10 800	Kadar bayaran	340
Derma	550	Lesen restoran	150
Sewa diterima	3 200	Majalah dan akhbar	650
Pertandingan tenis remaja	1 300	Gaji pekerja restoran	500
		Belanja Pertandingan tenis remaja	752
		Baki h/b	40 258
	<u>45 880</u>		<u>45 880</u>

Berikut adalah baki-baki aset dan liabiliti kelab:

	01 Ogos 2011 RM	31 Julai 2012 RM
Bangunan Kelab (Kos)	10 000	10 000
Stok restoran	750	1 090
Pemiutang Restoran	850	450
Yuran ahli tertunggak	200	150
Yuran ahli terdahulu	100	200
Majalah dan akhbar terakru	250	50
Sewa diterima terdahulu	400	800

**Maklumat tambahan:**

- Derma yang diterima dianggap sebagai pendapatan hasil
- Kadar bayaran RM150 masih belum dijelaskan.
- Bangunan kelab hendaklah disusutnilaikan sebanyak 10 % setahun.

*Anda dikehendaki menyediakan :*

- (a) Akaun Kawalan Pemiutang [2 markah]
- (b) Akaun Yuran [4 markah]
- (c) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Julai 2012 [6 markah]
- (d) Pengiraan untung pertandingan tenis remaja [1 markah]
- (e) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Julai 2012 [12markah]

**BAHAGIAN B****[40 MARKAH]**Pilih **dua** soalan sahaja

- 4 Baki berikut telah diambil daripada buku perniagaan Aidil Trading, sebuah kilang yang mengeluarkan pelbagai jenis kerepek pada 31 Mac 2012.

	RM
Belian bahan mentah	14 390
Belian alat-alat kecil	450
Loji dan Mesin (Kos)	76 000
Susut nilai terkumpul loji dan mesin	14 440
Jualan barang siap	107 800
Upah buruh langsung	40 200
Insurans kilang	13 500
Sewa	9 000
Kadar bayaran	11 300
Belanja am kilang	5 700
Faedah atas pinjaman	1 100
Angkutan keluar	390

**Maklumat tambahan :**

- i. Stok-stok pada :

	01 Februari 2011	31 Mac 2012
	RM	RM
Barang siap	10 876	9 656
Bahan mentah	8 097	6 794
Kerja dalam proses	3 965	3 798
Alat-alat kecil	106	98

- i. Insurans kilang terdahulu RM670.
- ii. Belanja am kilang terakru sebanyak RM1 200.
- iii. Kadar bayaran dan sewa dibahagikan kepada kilang dan pejabat mengikut nisbah 3:2.
- iv. Angkutan masuk RM870 semasa membeli bahan mentah masih belum dicatat dalam mana-mana buku.
- v. Loji dan mesin disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- vi. Sejumlah RM5 120 upah buruh langsung masih belum dijelaskan.

*Anda dikehendaki :*

a. **menyediakan :**

- i. Penyata Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Mac 2012. [15 markah]
- ii. Penyata Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2012. [3 markah]

b. Berikan maksud kerja dalam proses. [2 markah]

- 5 Maklumat berikut merupakan butir-butir operasi Kilang Drogba Drop, pengeluar kasut sukan, pada tahun 2010 dan 2011.

	2010	2011
Unit Pengeluaran	30 000	34 000
Jumlah Kos (RM)	280 000	312 000

Kos tetap dan kos berubah seunit diandaikan malar untuk kedua-dua tahun. Harga jualan seunit pada tahun 2010 dan 2011 ialah RM12.00.

*Anda dikehendaki :*

(a) **Menghitung**

- (i) Kos berubah seunit [1 markah]
- (ii) Jumlah kos tetap [1 markah]
- (iii) Margin Caruman Seunit [1 markah]
- (iv) Titik Pulang Modal [2 markah]
- (v) Kuantiti yang perlu dijual untuk mendapat keuntungan sebanyak RM35 000 [2 markah]
- (vi) Titik Pulang Modal (unit) jika harga jualan meningkat sebanyak 20% [2 markah]
- (vii) Nyatakan dua kegunaan Titik Pulang Modal [2 markah]

- (b) Berdasarkan jawapan di 5(a)(iv), lakarkan Graf Titik Pulang Modal di atas kertas graf dengan menunjukkan :

- (i) Garisan Kos Tetap
- (ii) Garisan Jumlah Kos
- (iii) Garisan Jumlah Hasil
- (iv) Titik Pulang Modal

[4 markah]

- (c) Safik Trading dan Nazmi Enterprise menjalankan perniagaan alatan sukan. Maklumat di bawah diperolehi dari buku perniagaan mereka bagi tahun berakhir 31 Mei 2012 adalah seperti berikut:

	Safik Trading	Nazmi Enterprise
	RM	RM
Jualan	93 500	106 000
Untung kasar	57 815	60 250
Belanja	30 060	30 840
Aset Bukan Semasa	88 000	115 350
Aset Semasa	24 590	18 400
Liabiliti Semasa	9 835	12 340
Modal Awal	75 000	92 000

*Anda dikehendaki :*

- (a) Mengira Pulangan Atas Modal untuk kedua-dua perniagaan. [4 markah]

- (b) Nyatakan perniagaan manakah yang akan anda pilih untuk membuat pelaburan.

Berikan alasan anda bagi menyokong pilihan perniagaan tersebut.

[1 markah]

- 6 Torres, Casillas dan Xavi telah berkongsi niaga dalam Perniagaan Tiki Taka sejak 15 tahun yang lalu dan membahagikan keuntungan dan kerugian dengan nisbah 3:2:1. Torres ingin berhijrah ke Jerman dan mereka telah bersetuju untuk membubarkan perniagaan pada 1 Julai 2012.

Berikut adalah maklumat yang diambil dari buku Perniagaan Tiki Taka pada 30 Jun 2012.

Perniagaan Tiki Taka  
Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2012

***Ekuiti Pemilik***

Akaun modal

Torres	60000	
Casillas	40000	
Xavi	20000	120000

Akaun Semasa

Torres	2000	
Casillas	3000	
Xavi	(1700)	3300
		123300

***Aset Bukan Semasa***

Premis	100000
Peralatan	15000
Kenderaan	30000
	145000

***Aset Semasa***

Stok Akhir	32400
Penghutang	24000
Peruntukan Hutang Ragu	2000
Tunai	100
	54500

***Liabiliti Semasa***

Pemiutang	48200
Bank	28000
	76200
Modal Kerja	(21700)
	123300



Berikut ialah butir-butir pembubaran perniagaan:

- (i) Premis telah dijual mengikut nilai buku, manakala peralatan telah dijual dengan harga RM2 500.
- (ii) Kenderaan telah diambil alih oleh Xavi pada harga RM24 600 dan Casillas telah bersetuju untuk mengambil alih stok dengan harga RM24 000.
- (iii) Hutang sebanyak RM1600 tidak dapat dikutip kerana seorang penghutang didapati muflis. Semua hutang yang lain telah dapat dikutip dengan mengambilkira diskaun sebanyak RM1 100.
- (iv) Proses pembubaran melibatkan perbelanjaan sebanyak RM3 600.
- (v) Pemiutang telah dijelaskan sepenuhnya sebanyak RM48 000.
- (vi) Semasa proses pembubaran terdapat satu liabiliti yang ditemui berjumlah RM1 200.
- (vii) Mana-mana rakan kongsi yang mengalami kekurangan modal hendaklah membawa masuk wang ke bank untuk menampung kekurangan tersebut.
- (viii) Semua pembayaran dan penerimaan dibuat melalui bank.

*Anda dikehendaki menyediakan :*

- (a) Akaun Realisasi [7 Markah]
- (b) Akaun Bank [7 Markah]
- (c) Akaun Modal pekongsi [6 Markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**